

I Tulis **Betul** atau **Salah** bagi pernyataan di bawah.

(a) Proses gali cari juga dikenali sebagai ekskavasi.

(b) Kota A-Famosa merupakan bangunan yang dibina oleh Belanda di Melaka.

(c) Tun Sri Lanang ialah penulis manuskrip Sejarah Melayu yang menceritakan keagungan kerajaan Melayu dan Kesultanan Melayu Melaka.

(d) Gua Niah terletak di negeri Sabah.

(e) Candi Lembah Bujang merupakan tapak arkeologi yang terdapat di negeri Kedah.

(f) Rangka *Perak Man* telah dijumpai di Lenggong, Perak.

(g) Orang sumber ialah individu yang ditemu bual.

(h) Zaman Masihi (M) bermaksud zaman selepas kelahiran Nabi Musa.

TP 4 Menganalisis pengertian dan kemahiran ilmu sejarah.

☒ Menguasai

☐ Belum menguasai

SP I.1.3 Menjelaskan kaedah penyelidikan sejarah.

A Soalan Padanan

1 Padankan kata panggilan di bawah dengan maksudnya yang betul.

(a) Kak long

Anak lelaki keempat dalam keluarga

(b) Kak ngah

Anak lelaki sulung dalam keluarga

(c) Makcik

Anak bongsu dalam keluarga

(d) Abang andak

Anak perempuan sulung dalam keluarga

(e) Pakcik

Ibu saudara

(f) Abang long

Anak perempuan kedua dalam keluarga

(g) Busu

Bapa saudara

TP 1 Memerihalkan pengertian diri dan keluarga.

Menguasai

Belum menguasai

SP I.2.2 Menjelaskan pengertian keluarga asas dan kembangan.

(A) Soalan Padanan

I Padankan pernyataan di bawah dengan betul.

- | | |
|------------------|--|
| (a) Cogan kata | Logo |
| (b) Nama sekolah | Jalan Megah,
off Jalan Makmur,
55600 Kuala Lumpur |
| (c) Misi | Lambang sekolah |
| (d) Lencana | Slogan |
| (e) Alamat | Sekolah Unggul
Penjana Generasi
Terbilang |
| (f) Visi | Sekolah Kebangsaan
Taman Kenanga |
| (g) Bendera | Membangun Potensi
Individu Melalui
Pendidikan Berkualiti |

TP 1 Menyatakan maklumat asas tentang sekolah.



Menguasai



Belum menguasai

SP I.3.3 Menjelaskan sejarah sekolah.

A Soalan Padanan

1. Padankan kesinambungan ayat berikut supaya menjadi ayat yang lengkap dan betul.

(a) Kenaikan paras air laut membawa kepada pembentukan...

bentuk muka bumi di Asia Tenggara.

(b) Perubahan iklim daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk disebabkan oleh...

secara berpindah-randah dan akhirnya menetap.

(c) Pentas Sunda ialah kawasan tanah luas di Asia Tenggara yang menghubungkan...

sungai dan tasik.

(d) Kawasan rendah di Pentas Sunda tenggelam dan berlaku perubahan pada...

daratan dan kepulauan.

(e) Kenaikan paras air laut di Pentas Sunda telah menyebabkan manusia hidup...

sinaran matahari dan pemanasan bumi.

A Soalan Padanan

1 Padankan gambar di bawah dengan zaman prasejarah yang sesuai.



Zaman Paleolitik



Zaman Mesolitik



Zaman Neolitik

Zaman Logam

UNIT 6

TP 1 Memerihalkan kehidupan manusia Zaman Prasejarah.



☐ Menguasai

☐ Belum menguasai

S.P. 3.1.1 Menyatakan maksud prasejarah.

B Praktis Minda

- I Susun semula kedudukan sultan, pembesar, rakyat dan hamba mengikut kedudukannya yang betul.



TP 2 Menjelaskan tentang tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka dengan contoh.



Menguasai



Belum menguasai

S.P. 5.1.1 Menyatakan struktur masyarakat zaman kesultanan Melayu Melaka.

2 Tulis keistimewaan tokoh terbilang berdasarkan pernyataan di bawah ini.

Bil.	Pernyataan	Keistimewaan
(a)	Parameswara gigih memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan kerana baginda dapat melihat potensi Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa.	
(b)	Laksamana Hang Tuah sanggup berkorban nyawa bagi memastikan keselamatan perairan Melaka agar para pedagang tidak bimbang dengan serangan lanun dan berasa selamat berdagang di Melaka.	
(c)	Bendahara memujuk para pengikutnya agar tidak menderhaka kepada sultan semasa pembunuhan Tun Besar untuk menunjukkan taat setia tanpa berbelah bahagi kepada raja dan negara.	
(d)	Pelaksanaan sistem perundangan yang tersusun semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah telah mewujudkan keamanan dan keharmonian bagi masyarakat Melaka kerana mereka diadili secara saksama.	
(e)	Sultan Alauddin Riayat Shah sentiasa memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat terpelihara semasa pemerintahannya menyebabkan rakyat dapat hidup dengan aman dan harmoni.	
(f)	Dengan menggunakan pelbagai strategi dan perancangan yang sistematik, Sultan Mansur Shah telah berjaya meluaskan empayar Melaka semasa pemerintahannya di mana banyak negara luar bernaung di bawah Melaka.	

Adil dan saksama

Taat dan setia

Bijaksana

Berpandangan jauh

Berani

Bertanggungjawab